



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16/1/2020	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kedah siap sedia laksana pembenihan awan

Alor Setar: Paras air di tiga empangan utama di negeri ini semakin berkurangan dengan kapasiti Empangan Muda hanya berada pada kadar 17.88 peratus, semalam.

Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali, berkata kapasiti air Empangan Ahning sebanyak 62.48 peratus dan Empangan Pedu sebanyak 47.6 peratus bagaimanapun masih mampu dilepaskan untuk kegunaan pertanian dan domestik.

Katanya, pada minggu lalu, peratusan air di Empangan Muda adalah pada kadar 26.72 peratus, Empangan Ahning (64.47 peratus) dan Empangan Pedu (50.18 peratus).

"Terdapat penurunan peratusan jumlah air terkawal dan MADA masih boleh melakukan pelepasan harian sebanyak 113 meter padu sesaat bagi menampung keperluan penanaman padi dan domestik," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir pada sidang media di Wisma Darul Aman semalam, berkata kerajaan negeri sudah bersiap sedia melakukan pembenihan awan sekiranya keadaan awan dan cuaca kondusif untuk proses berkenaan.

"Persediaan untuk pembenihan awan sudah dilakukan sejak November lalu, namun keadaan tidak mengizinkan kerana kita perlu menunggu sehingga awan mencukupi.

"Kita juga dimaklumkan ada kawasan dilaporkan mengalami kekurangan bekalan air, jadi kita minta kawasan yang ada air, ber-



Persediaan untuk pembenihan awan sudah dilakukan sejak November lalu, namun keadaan tidak mengizinkan kerana kita perlu menunggu sehingga awan mencukupi.

**Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah**

jimatlah dan jangan guna terlalu banyak air dalam musim kemarau," katanya.

Mukhriz berkata, kerajaan negeri juga sudah mendapat perkenan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah untuk meminta kerjasama semua masjid mengadakan solat sunat Istisqa pada Jumaat ini bagi memohon hujan.

"Kita doakan supaya dapat menerima hujan yang akan membantu meningkatkan bekalan air ke seluruh negeri," katanya.